


**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	<i>Utusan Malaysia</i> ungguli empat anugerah MCCE	Utusan Malaysia
2.	Making innovation a priority	The Star
3.	Parlimen: RazakSat2 masih dalam proses pilih rakan teknologi - MOSTI	BERNAMA
4.	RazakSat2 masih dalam proses pilih rakan teknologi	Sinar Harian
5.	Satellite project still looking for tech partner	The Sun
6.	Post-27th ASEAN related summits images	New Straits Times
7.	Modi puji Malaysia cemerlang anjurkan Sidang Kemuncak ASEAN, Asia Timur	BERNAMA
8.	Amaran angin kencang dan laut bergelora bermula Rabu hingga Ahad ini	BERNAMA
9.	Tambahan RM2 juta untuk JPS Kelantan hadapi banjir	BERNAMA
10.	Flood alert in low – lying areas	New Straits Times
11.	Flood victims return home as water levels recede	New Straits Times
12.	Flood-prone river banks to be raised	The Star
13.	Gelombang kedua bah dijangka landa Kuala Selangor	Berita Harian
14.	Debar – debar!!!	Harian Metro
15.	YIM komersialkan barang inovasi	Sinar Harian
16.	UKMTech rugi RM3.08 juta selama lima tahun dari 2009	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



MADIUS TANGAU (dua kiri) menyampaikan Anugerah Utama kepada Mohd. Azraie Md. Yusof dalam Malam Anugerah Media Challenge MCCE 2015 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

## Utusan Malaysia ungguli empat anugerah MCCE

**KUALA LUMPUR 23 Nov.** - *Utusan Malaysia* berjaya merangkul empat anugerah dalam Malam Anugerah Media Cabaran Persidangan Pengkomersialan dan Pameran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi 2015.

Wartawan, Mohd. Azraie Md. Yusof meraih dua anugerah iaitu anugerah utama MCCE serta media cetak dan berjaya membawa pulang RM1,000 dan berpeluang menghadiri Majlis Anugerah Hadiah Nobel 2015 di Stockholm, Sweden.

Dua anugerah lagi dimenangi Ketua Meja Sains dan Teknologi, Laupa Junus bagi kategori khas juri dan jurufoto, Aizzul Majid bagi kategori fotografi dengan masing-masing membawa pulang RM1,000 dan lawatan ke Pusat Reka Kreatif Thailand (TCDC).

Anugerah berkenaan disampai-

kan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau di Hotel Seri Pacific, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

Para pemenang diadili berdasarkan laporan pemberitaan ketika penganjuran MCCE pada 18 dan 19 November baru-baru ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sementara itu, Madius berkata, penggunaan sains, teknologi dan inovasi (STI) kini bakal menjadi kementerian dalam pelaksanaan dasar kementerian lain.

“Semua perkara kini berkait rapat dengan STI, ia dapat melonjakkan kedudukan negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020,” katanya.



DARI kiri Laupa Junus, Mohd. Azraie Md. Yusof dan wakil Aizzul Majid diwakili oleh Mohd. Azrin Muhammad bersama anugerah yang dimenangi mereka dalam Malam Anugerah Media Challenge MCCE 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 9  
TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



(From left) Mosti deputy minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Madius and ministry deputy secretary-general Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya launching the Mosti Commercialisation Conference and Exhibition (MCCE) 2015 at PWTC in Kuala Lumpur.



Madius (second from left) and Mohd Azhar (third from left) checking out a booth at the exhibition.

## **Making innovation a priority**

**Exhibition organised by ministry draws govt agencies, industry players, varsities**

**THE Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) aims to commercialise 360 innovative products in the next five years.**

Minister Datuk Seri Madius Tangau said this year, 65 innovative products by its agencies were introduced to the market.

"Currently, there are more than 1,000 products being produced by Mosti agencies," he said after launching the Mosti Commercialisation Conference and Exhibition (MCCE) at Putra World Trade Centre in Kuala Lumpur.

With the theme "360 Degrees of Bringing Innovation through Inclusive and Open Innovation", the event saw the participation of various government agencies, industry players, entrepreneurs

and universities.

Madius said there were a lot of challenges to get participation from the people.

"Innovation is not only for researchers, professors or even entrepreneurs; new products can come from anyone," he said.

As such, Mosti Social Innovation, which was launched in April, has a fund of RM94mil.

This, he said, was aimed at "humanising innovation".

"Hence, we have decided to set up a one-stop centre where people can come and register their products, while we help to match them with the right agency," he said, adding that the centre would start operating next year.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



## **Parlimen: RazakSat2 Masih Dalam Proses Pilih Rakan Teknologi - MOSTI**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Projek satelit RazakSat2 masih dalam proses memilih rakan teknologi dan tarikh pelancarannya bergantung kepada rakan teknologi yang dipilih, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Abu Bakar Mohamad Diah** berkata program tersebut kini dalam proses memuktamadkan Program Kolaborasi Industri (ICP) iaitu satu keperluan mandatori bagi kerajaan yang melibatkan perolehan strategik negara.

"ICP ialah program yang akan melibatkan kerjasama dengan pihak luar di mana ia satu keperluan mandatori bagi kerajaan yang melibatkan perolehan strategik negara bertujuan untuk membangun dan memperkasakan industri tempatan dalam mencapai status negara maju," katanya ketika menjawab soalan Sim Chee Keong (DAP-Bukit Mertajam) pada sesi soal-jawab di Dewan Rakyat di sini.

Sim ingin tahu mengenai status projek satelit RazakSat2 termasuk kos terkini dan jumlah yang dibelanjakan setakat ini hingga tarikh siap.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata sehingga kini, beberapa kajian termasuk kajian kebolehlaksanaan RazakSat2 telah disiapkan dan pembangunan fizikal yang melibatkan perolehan sistem antena baharu dan pembangunan stesen bumi atau 'ground station' di Tuaran, Sabah serta pembangunan modal insan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 2017.

"Projek ini dijangka siap tiga hingga tiga setengah tahun, dan tarikh pelancaran akan bergantung pada rakan pembekal yang akan dipilih," katanya.

"Kos keseluruhan projek ini ialah RM271.9 juta dan sehingga September 2015 sebanyak RM14 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan terminal stesen bumi di Tuaran."

Menjawab soalan tambahan mengenai keperluan dan faedah projek berkenaan, Abu Bakar berkata projek RazakSat2 adalah rangkaian satelit perhubungan negara yang akan meliputi semua aspek termasuk teknologi, penyelidikan, ketenteraan dan ramalan kaji cuaca.

"Pada masa sekarang kita membayar untuk menggunakan satelit pihak lain bagi melakukan semua aktiviti berkenaan.

"Bagi misi menjadi negara maju, adalah lebih baik untuk kita mempunyai satelit sendiri untuk memantau semua aktiviti tersebut," katanya.

# Razaksat2 masih dalam proses pilih rakan teknologi



ABU BAKAR

**KUALA LUMPUR** - Projek satelit RazakSat2 masih dalam proses memilih rakan teknologi dan tarikh pelancarannya bergantung kepada rakan teknologi yang dipilih, persidangan Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata, program tersebut kini dalam proses memuktamadkan Program Kolaborasi Industri (ICI) iaitu satu keperluan mandatori bagi kerajaan melibatkan perolehan strategik negara.

"ICI ialah program yang akan melibatkan kerjasama dengan pihak luar di mana ia satu keperluan mandatori bagi kerajaan melibatkan perolehan strategik negara bertujuan membangun dan memperkasakan industri tempatan dalam mencapai status negara maju," katanya menjawab soalan **Sim Chee Keong (DAP-Bukit Mertajam)** di sini.

Chee Keong ingin tahu mengenai status projek satelit RazakSat2 termasuk kos terkini dan jumlah yang dibelanjaan setakat ini hingga tarikh siap.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata

sehingga kini, beberapa kajian termasuk kajian kebolehlaksanaan RazakSat2 disiapkan dan pembangunan fizikal melibatkan perolehan sistem antena baharu dan pembangunan stesen bumi atau *ground station* di Tuaran, Sabah serta pembangunan modal insan dilaksanakan dan dijangka siap pada 2017.

"Projek ini dijangka siap tiga hingga tiga setengah tahun dan tarikh pelancaran bergantung pada rakan pembekal yang akan dipilih," katanya.

Menurutnya, kos keseluruhan projek ini RM271.9 juta dan sehingga

September 2015 sebanyak RM14 juta dibelanjakan bagi pembinaan terminal stesen bumi di Tuaran.

Menjawab soalan tambahan mengenai keperluan dan faedah projek berkenaan, Abu Bakar berkata, projek RazakSat2 adalah rangkaian satelit perhubungan negara meliputi semua aspek termasuk teknologi, penyelidikan, ketenteraan dan ramalan kaji cuaca.

"Sekarang kita membayar untuk menggunakan satelit pihak lain. Bagi misi negara maju, lebih baik kita ada satelit sendiri," katanya. - Bernama

**KERATAN AKHBAR**  
**THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

## Satellite project still looking for tech partner

THE RAZAKSAT2 satellite project is still in the process of selecting a technology partner and fixing a launch date, the Dewan Rakyat was told.

Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Abu Bakar Mohamad Diah said the programme was finalising its Industrial Collaboration Programme (ICP), which is a mandatory requirement for governments involved in such national strategic procurements.

The ICP is to empower the local industry towards achieving developed-

nation status, he said to a question by Sim Chee Keong (DAP-Bukit Mertajam).

Abu Bakar said several studies including the RazakSat2 feasibility study had been completed, while the physical development involving the procurement of a new antenna system and ground station development in Tuaran, Sabah, as well as human capital development, would be completed by 2017.

"The project is expected to be completed in three to three-and-a-half years while the launch date will depend on

the supply partner selected," he said.

The total overall project cost is RM271.9 million and as at September 2105, RM14 million had been spent on the construction of the ground station at Tuaran, he added.

Replying to a supplementary question, Abu Bakar said the RazakSat2 project is the national communications satellite network encompassing all aspects including technology, research, military and weather forecast.

"Currently, we are paying to use the satellite of others for all the activities."

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 08  
TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)

POST-27<sup>TH</sup> ASEAN RELATED SUMMITS IMAGES



1 Prime Minister **Datuk Seri Najib Razak** and his Indian counterpart, **Narendra Modi**, witnessing the signing of a memorandum of understanding between CyberSecurity chief executive officer **Dr Amirudin Abdul Wahab** and Indian Computer Emergency Response Team (CERT-In) (Indian Communications and Information Technology Ministry) senior director **B.J. Srinath** at Perdana Putra in Putrajaya yesterday.  
Pic by Mohd Fadli Hamzah

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



## **Modi Puji Malaysia Cemerlang Anjurkan Sidang Kemuncak ASEAN, Asia Timur**

PUTRAJAYA, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri India Narendra Modi memuji Malaysia kerana berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) dengan cemerlang, selain menubuhkan Komuniti ASEAN.

Beliau berkata pemerhatian Malaysia terhadap ulang tahun ke-10 AES telah meletakkan hala tuju yang cemerlang bagi forum paling penting itu di rantau Asia Tenggara.

Modi juga memuji kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak serta ketabahan dan ketahanan rakyat Malaysia selepas berdepan tragedi pesawat Malaysia Airlines Penerbangan MH370 dan MH17 tahun lepas.

"Kedua-dua tragedi udara itu boleh melunturkan semangat mana-mana negara. Saya memuji kepimpinan anda (Najib) serta keazaman dan ketahanan rakyat Malaysia," katanya pada sidang media bersama-sama Najib di Perdana Putra di sini, hari ini.

Modi, yang berada di sini untuk lawatan rasmi sulung selepas menyandang jawatan perdana menteri pada 2014, tiba di Kuala Lumpur pada Sabtu untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan.

Sementara itu, Najib berkata Malaysia gembira menerima kunjungan sulung Modi memandangkan kedua-dua negara mempunyai hubungan yang sangat rapat berdasarkan warisan bersama dan hubungan rakyat dengan rakyat yang kukuh.

Katanya beliau amat berpuas hati dengan mesyuarat dua hala yang produktif dan membina itu yang berlangsung awal pagi tadi.

"Kedua-dua kerajaan mempunyai hasrat yang amat besar untuk mengukuhkan dan membawa hubungan dua hala ke tahap lebih tinggi," katanya.

Najib turut memuji kepimpinan Modi yang dianggapnya sebagai seorang yang mengutamakan tindakan dan mahukan dilaksana dengan segera.

Justeru itu, katanya kedua-dua kerajaan bersetuju melantik orang tertentu di kedua-dua belah pihak untuk mengambil langkah susulan terhadap semua rancangan yang dibincangkan.

"Beliau mempunyai rekod cemerlang sebagai Ketua Menteri dan sekarang sebagai Perdana Menteri. Beliau memberitahu saya bahawa pembinaan jalan raya telah dilaksanakan dengan lebih cepat daripada 2 kilometer (km) sehari kepada 18 km sehari," kata Najib, sambil menyatakan rasa terujanya dengan kemungkinan baharu yang boleh dilaksanakan bersama oleh kedua-dua negara.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin itu menyaksikan majlis menandatangani tiga memorandum persefahaman (MoU) membabitkan Malaysia dan India.

MoU itu ialah dalam bidang pengurusan prestasi, penyerahan projek dan pemantauan berkaitan program kerajaan dan penyampaian serta perjanjian program pertukaran budaya bagi tempoh 2012 hingga 2020.

Turut dimeterai ialah MoU antara Pasukan Respons Kecemasan India (CERT-In) Jabatan Elektronik dan Teknologi Maklumat India dengan **CyberSecurity Malaysia** mengenai kerjasama dalam bidang keselamatan Siber.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



## **Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Bermula Rabu Hingga Ahad Ini**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan bermula Rabu hingga Ahad ini.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan berkata angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan itu.

Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



## **Tambahan RM2 Juta Untuk JPS Kelantan Hadapi Banjir**

PASIR PUTEH, 23 Nov (Bernama) -- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan menerima peruntukan tambahan RM2 juta daripada kerajaan persekutuan untuk projek persediaan menghadapi kemungkinan banjir di Kelantan hujung tahun ini atau awal tahun depan.

Pengarah JPS Kelantan Shahimi Sharif berkata antara projek yang telah dan sedang dilaksanakan ialah membersih, mendalam dan membaik pulih tebing sungai di negeri ini.

"Ini bagi melicinkan aliran arus sungai ke Laut China Selatan bagi mengurangkan risiko banjir apabila hujan lebat berterusan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai amaran **Jabatan Meteorologi Malaysia** mengenai kemungkinan berlaku hujan lebat bermula 26 atau 27 Nov ini di negeri pantai Timur Semenanjung.

Shahimi berkata JPS Kelantan sebelum ini menerima peruntukan sebanyak RM25 juta dan peruntukan tambahan itu diperoleh, awal bulan ini.

Beliau berkata bagi kerja pemberaan yang melibatkan peralatan menyukat data hujan, aras air sungai dan siren amaran banjir yang rosak telah siap dilaksanakan.

"Ini termasuk membaik pulih kerosakan pagar dan alat penyukat hujan di stesen Gua Musang dan Aring (Gua Musang)," katanya.

Beliau berkata JPS juga akan memantau dua pintu kawalan air pasang surut di Geting, Tumpat dan Tok Bali di Pasir Puteh, kemungkinan peningkatan paras air laut yang boleh menyebabkan keadaan lebih buruk di kedua-dua jajahan itu.

"Apabila air laut pasang tinggi dan serentak dengan hujan lebat di daratan, ini boleh menyebabkan air daripada sungai tidak dapat mengalir ke laut dan mengakibatkan banjir," katanya.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 21**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



*Houses inundated by floodwaters in Changkat Jong, Teluk Intan, Perak. Pic courtesy of the Fire and Rescue Department*

## Flood alert in low-lying areas

**PREPARED:** Several areas in Perak and Kedah inundated as Pahang residents fear for the worst

Sylvia Looi  
T.N. ALAGESH  
IPOH  
sylvialooi@nst.com.my

**T**HE flood situation in Perak is getting worse with more people being evacuated from their homes.

A state Fire and Rescue Department spokesman said as of 3pm yesterday, 364 people from nine villages were forced to leave their houses after the water levels rose.

"The worst hit area was Kampung Padang Serai, Pengkalan Bharu, where 83 people have been evacuated," he said.

The victims sought shelter at Sekolah Agama Rakyat Kampung Padang Serai flood evacuation centre, and seven flood evacuation centres have been opened to house the victims, he said.

Meanwhile, communication between Kampung Bawong and Pos Poi in Sungai Siput was cut off when the road connecting both villages was washed away by floodwaters.

In Kuantan, residents in the low-lying areas are having sleepless nights for fear of an impending flood as heavy rain has begun to hit the state over the past few days.

The rain, which sometimes lasts for several hours, has resulted in flash floods in a few low-lying areas including Jerantut and Lipis.

However, residents and motorists were relieved after the water level in some affected roads and villages receded within a few hours after the downpour stopped.

Although the year-end floods have been described as an annual occurrence in the state, residents remained on high alert to respond swiftly and minimise losses.

Despite the state government's assurance that it has made preparations to face the floods, including additional evacuation centres, many people are concerned over the exceptionally high rainfall which can worsen a situation and require a longer time to recede.

Kampung Selamat resident Jamarsi Mohd, 47, said the recent rains spell had put the residents on high alert after the massive floods last year submerged several areas and forced thousands, including his family, to seek shelter at the evacuation centres.

He said villagers were informed to be on standby in case they had to leave their homes for the centres.

However, some chose to overlook the instructions as they feared that their valuables would be stolen.

"The authorities have informed us about the centres and actions to be taken during an emergency."

"It is sad that some people choose to be stubborn and willingly put their lives at risk," he said.

Kampung Tempoyang village headman Abdul Aziz Ali said a four-hour downpour in the village last month caused Sungai Tempoyang in Lipis to overflow into the village, but the water was only knee-high.

However, he said 12 victims in the village chose to remain at home as the water started to recede the following day.

Meanwhile, the Meteorological Department forecast that heavy rain was expected in Pahang from today to Nov 28, with high tide occurring between Nov 26 and 29.

Heavy rainfall is also expected to hit Pahang between Dec 11 and 18, and Dec 24 and 30, while high tide will occur between Dec 11 and Dec 15, and from Dec 24 to 29.

In Sungai Petani, after less than an

hour of heavy downpour, Faezah Busri's house was inundated by floodwaters, which rose rapidly to chest deep.

In panic, the 41-year-old housewife frantically called out to her husband and asked him to save their pets, cats, chickens and rabbits.

"At first I thought it was just the usual ankle or knee-deep flood and that is why my husband and I remained composed when water started inundating our house."

"However, I began to panic when the water kept rising up to chest-level and I was scared when we could not open the door due to strong floodwater rush from outside."

"We tried to save our pets as much as possible before moving to another room, which had an elevated area and waited until the water level receded a few hours later before we got out of the house," she said, when reporters met at her house in Taman Tiong, here yesterday.

Faezah said it was the second time her house had been hit by floods this week.

However, she said it was the worst flood they experienced since they moved into the house last year.

She said besides losing 11 hens that were also her source of income, Faezah and her husband who lived from hand-to-mouth, also suffered losses of about RM10,000 when most of her furniture and electrical appliances were damaged by the flood.

Besides Faezah, more than 100 people were affected by the flash flood here following continuous downpour for several hours since 2pm on Sunday.

The situation however, returned to normal yesterday and some 120 people from 22 families here and in Sidam Kiri, who sought shelter at two relief centres, returned home by yesterday afternoon. **Additional reporting by Ili Shazwani**

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 21**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

## Flood victims return home as water levels recede

**KUALA SELANGOR:** Most of the flood victims at temporary relief centres here have been allowed to return home as floodwaters subside.

However, residents have been advised to stay alert as flash floods may recur due to high tide predicted from tomorrow until Sunday in Port Klang by the **Malaysian Meteorological Department**.

Kuala Selangor district officer Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor said according to the department, on Nov 26 to 27, a southwest wind will blow across Peninsular Malaysia, where the movement of air and wind towards the northeast is expected to bring heavy rainfall.

“Residents are advised to stay alert as the department predicted that flash floods may recur due to high tide, which may reach 5m from tomorrow until Sunday (Nov 29) in Port Klang,” he said in a press conference at SK Parit Mahang, here,

yesterday.

So far, 530 people from six evacuation centres in Kuala Selangor have been allowed to return home.

As of 1pm yesterday, there were 581 victims from 125 families still housed at six relief centres in the district.

“The temporary relief centre at SK Parit Mahang still shelters the most number of flood victims at 393 people, followed by Kampung Bukit Kuching (61), Kampung Bukit Cerakah (35), Kampung Bukit Hijau (34), Simpang Tiga Mosque in Jeram (29) and the mosque at Tuan Mee estate (29).”

Shamsul said over the past week, staff from the Drainage and Irrigation Department (DID) have been clearing the drains and streams at flood affected areas.

“The DID workers are also pumping out floodwaters to a nearby river in the area. For now, there are eight pumps in operation.”

# Flood-prone river banks to be raised

Selangor DID preparing for impact of coming monsoon

**KLANG:** The Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) is increasing the height of riverbanks in Kuala Selangor in anticipation of a second wave of heavy flooding.

Kuala Selangor district officer Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor said this was to prevent water flowing out of the river into low lying areas.

He said the authorities believed a second bout of flooding might occur in the district due to unusually high tides that would be hitting its coastline. These were expected to begin soon and would last until the end of the month.

This phenomenon is caused by the Northeast Monsoon winds that will start this Thursday or Friday, he said.

Floods hit parts of the district last week.

Shamsul advises residents of

other low lying areas to be cautious and to prepare for the situation.

He said that wave forecasts by the Malaysian Meteorological Department could reach a minimum of 5m in height.

On the situation in Kuala Selangor, Shamsul said that water was being pumped out of the area into the rivers with eight pumps.

Close to 600 people were being housed in temporary flood relief centres in schools, mosques and community halls in the district.

"We are waiting for the water levels to recede and once this happens we will send them home," Shamsul said.

In Pasir Puteh, the Drainage and Irrigation Department (DID) said it would monitor tide control gates at Geting, Tumpat and Tok Bali because of the high tides, which can cause flooding, Bernama reported.



**Bridge over troubled waters:** Members of the Public Civil Defense Department lending a hand to flash flood victims this morning. — Bernama

"High tides which coincide with heavy rainfall on the mainland can prevent river water from flowing to the sea, thus causing floods," Kelantan DID director Shahimi Sharif said.

The Meteorological Department warned about the possibility of

heavy rain on Nov 26 or 27 in the east coast states.

In Sungai Petani, 60 flood victims were evacuated to the Kampung Jerung relief centre here following floods that began on Sunday.

More than 10 areas around the Kuala Muda district here were

inundated by flash floods yesterday following heavy rain in the afternoon.

Among the areas affected were the Sultan Abdul Halim Hospital, Taman Nuri, Taman Serindik, Jalan Air Mendidih and Jalan Batu Lintang Kampung Hutan Gelam.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

# Gelombang kedua bah dijangka landa Kuala Selangor

**Kuala Selangor:** Gelombang kedua banjir mungkin melanda sekitar daerah ini, hari ini.

Pegawai Daerah Kuala Selangor yang juga Pengurus Bencana daerah, Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor, berkata **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)** memaklumkan penduduk setempat perlu bersiap sedia berikutan laut dijangka pasang pada ketinggian minimum lima meter.

Walaupun dijangka berlaku di sekitar Pelabuhan Klang, katanya, ia tetap memberi kesan terhadap kenaikan air di perairan Selangor.

"JMM turut meramalkan luruan angin monsun timur laut yang akan menyebabkan hujan lebat, angin kencang dan ribut pada 26 dan 27 November ini.

"Kami dimaklumkan, laut akan pasang bermula esok (hari ini) hingga 29 November ini," katanya pada sidang media di pusat pemindahan sementara mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit

Mahang di sini, semalam.

Bagi mengelakkan sungai melimpah ke kawasan rendah, katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor berusaha membaki tebing sungai sekitar daerah itu sebagai alternatif mengatasi masalah banjir.

Beliau berkata, JPS turut menggunakan dua jentera dalam aktiviti pembersihan parit, selain melakukan pengemaman air ke sungai

"Kami dimaklumkan, laut akan pasang bermula esok (hari ini) hingga 29 November ini"

**Shamsul Shahril  
Badlisza  
Mohd Noor,**  
Pegawai Daerah  
Kuala Selangor

setiap hari sehingga jam 8 malam.

Sehingga semalam, seramai 581 mangsa banjir daripada 123 keluarga sekitar Kuala Selangor masih ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara.

## Sedia ubat-ubatan haiwan

Di Kuala Terengganu, enam pangkalan hadapan untuk ternakan dan penyimpanan makanan serta ubat-ubatan haiwan diwujudkan di dua daerah di negeri ini sebagai persediaan menghadapi kemungkinan banjir bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, Nawi Mohamad, berkata ramai penduduk kehilangan ternakan akibat dihanyutkan banjir setiap kali musim tengkujuh.

"Tahun ini, kami menghantar bekalan makanan haiwan dan ubat sebanyak 10 tan metrik ke pangkalan hadapan sejak pertengahan bulan lalu," katanya ditemui selepas merasmikan majlis penyampaian sijil dan hadiah kepada peserta pertandingan 'Mr dan Ratu' lembu serta kambing di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mat Rusli Ismail dari Kampung Wakaf Dua, Bukit Payong, Marang memenangi hadiah kereta PERODUA Axia selepas lembunya mendapat tempat pertama dengan gelaran Mr Lembu.

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 18  
TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)



ARAZEMEE Safri, 59, menjemur kain di ampalan dalam keadaan banjir di rumahnya di Kampung Parit Mahang.

# DEBAR - DEBAR!!!

■ Penduduk risau gelombang kedua bah akibat air pasang besar hari ini

Oleh Ekhwan Haque  
Fazah Haque  
ekhwan@hmetro.com.my  
Kuala Selangor

Gelombang kedua banjir kemungkinan akan berlaku di kawasan rendah di daerah ini berikutan fenomena air pasang besar yang dijangka terjadi hari ini sehingga penghujung bulan ini.

Fenomena itu diramalkan akan berlaku oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan ombak di kawasan perairan Selangor boleh mencapai ketinggian minimum lima meter.

Pegawai Daerah Kuala

Selangor yang juga Pengrusi Bencana Daerah Shamsul Shahril Badilsza Mohd Noor berkata, fenomena itu disebabkan luruh angin Monsun Timur Laut bermula Khamis atau Jumaat ini.

Beliau berkata, justeru penduduk di kawasan rendah diminta bersedia berdepan situasi itu.

Menurutnya, pertembungan air pasang besar dari laut dan sungai menyebabkan limpahan berlaku.

"Berdasarkan ramalan, banjir mungkin berlaku terku-

maya di kawasan rendah, jadi kami bersama agensi berkaitan sudah bersiap-sedia," katanya dalam sidang media di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, di sini, semalam.

Katanya, untuk menghadapi banjir gelombang kedua, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor giat meninggikan tebing sungai untuk memastikan tidak berlaku limpahan.

Beliau berkata, proses mengepam air ban-

jir menggunakan lima pam giat dijalankan dan menunjukkan perkembangan positif apabila air di kawasan terjejas makin surut.

"Setakat ini beberapa kampung di Bestari Jaya dilaporkan dinaliki air, tetapi tidak kritis dan penduduk masih boleh tinggal di rumah masing-masing kerana kawasan itu masih selamat.

"Beberapa kawasan di Kuala Selangor masih ditayangkan bencana tahap satu namun ia akan ditarik semula apabila keadaan semakin pulih," katanya.

Setakat jam 1 petang semalam, 581 mangsa daripada 123 keluarga masih ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara di sekitar daerah ini.



ALURAN air dikasihkan bagi menyalurkan sungai melimpah.

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18  
TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

## **YIM komersialkan barang inovasi**

**YAYASAN** Inovasi Malaysia (YIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) berharap akan mengkomersialkan lebih banyak barang inovasi menjelang akhir tahun depan, seiring dengan Tahun Pengkomersialan Malaysia pada 2016.

Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Datuk Mustapha berkata, agensi itu menyasarkan un-

tuk menyelesaikan fasa pertama Program Impak Tinggi (HIP) keenam pada akhir tahun ini, dan akan memulakan fasa kedua pada 2016 yang akan lebih menumpukan kepada peringkat pengkomersialan.

“YIM mengenal pasti lebih daripada 1,300 barang inovasi melalui pelbagai



programnya seperti Jejak Inovasi dan Cabaran Inovasi Masyarakat Akar Umbi,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, YIM berharap untuk membangunkan dan mengkomersialkan lagi sekurang-kurangnya tujuh barang, terutama dalam kategori inovasi terangkum.

YIM dilantik oleh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, sebagai agensi peneraju untuk menggalakkan, mengenal pasti, menapis, memadankan, menaik taraf, membangunkan dan melaksanakan secara berterusan program inovasi terangkum di bawah Pelan Induk PKS-HIP 6. - Bernama

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**



## **UKMTech Rugi RM3.08 Juta Selama Lima Tahun Dari 2009**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- UKM Technology Sdn Bhd (UKMTech) mengalami kerugian bersih selama lima tahun berturut-turut dari tahun 2009 hingga 2013, dengan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat.

Daripada 13 Syarikat Terbitan Universiti (STU) yang diuruskan UKMTech, empat STU mencatat kerugian yang berterusan bagi tahun 2012 hingga 30 September, 2014, manakala enam STU tidak menjana sebarang pendapatan daripada aktiviti utamanya sejak penubuhannya antara 2010 dan 2011, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri Tiga.

"Kerugian ini disebabkan jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan syarikat antara 12.6 peratus hingga 137.5 peratus," katanya.

Bagi sepuluh STU yang dikelolakan bersama **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC, Audit mendapati kesemua STU menunjukkan peningkatan dalam kerugian terkumpul setiap tahun kecuali PV&T Technologies Sdn Bhd dan NX Photonics Sdn Bhd yang berjaya memperoleh pendapatan operasi bagi tahun 2013.

"Bagaimanapun, kos operasi syarikat PV&T Technologies Sdn Bhd pada tahun 2013 adalah 119.3 peratus lebih tinggi berbanding pendapatan operasi pada tahun tersebut, manakala kos operasi syarikat NX Photonics Sdn Bhd melebihi pendapatan operasi sebanyak 304.9 peratus pada tahun 2013," menurut laporan itu.

Katanya lapan STU tidak menjana pendapatan operasi sejak penubuhannya pada tahun 2010, antaranya disebabkan produk yang dihasilkan tidak menepati kehendak pasaran dari segi teknologi dan kualiti.

Ia juga menyebut polisi pengurusan kredit yang tidak disediakan menyebabkan jumlah penghutang UKMTech setakat Oktober 2014 mencecah RM237,078, dan sejumlah RM67,860 telah dihapus kira pada Disember 2013.

Selain itu, ia mendapati tiga projek yang dikomersialkan tidak memberi sebarang pulangan kepada syarikat walaupun telah disiapkan pada tahun 2011 dengan kos sebanyak RM186,000.

Sehubungan itu, Audit mencadangkan UKMTech perlu segera menutup STU yang mengalami kerugian dan tidak aktif, dan prosedur kredit perlu disediakan untuk memastikan kutipan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

"UKMTech perlu memastikan produk atau teknologi penyelidikan dan inovasi yang hendak dikomersialkan bercirikan keuntungan, menjana pendapatan yang cepat, penglibatan industri dan penyelidikan berorientasikan pasaran," menurut laporan tersebut.